

Headline	Malaysia antara 10 negara terjejas HIV		
MediaTitle	Kosmo		
Date	24 Jul 2017	Color	Full Color
Section	Dunia	Circulation	197,202
Page No	48	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	219 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,683
Frequency	Daily	PR Value	RM 17,049



Malaysia antara 10 negara terjejas HIV

PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU (PBB), New York – Malaysia merupakan antara 10 negara, yang secara keseluruhannya, menyumbang kepada lebih 95 peratus bagi semua jangkitan baharu virus HIV di rantau Asia Pasifik, demikian menurut laporan PBB.

Bertajuk *Ending AIDS: Progress Towards the 90-90 Targets*, laporan itu dikumpulkan oleh Program Bersama PBB mengenai HIV/AIDS (UNAIDS).

Agensi berkenaan berkata, sembilan negara Asia Pasifik lain dengan jangkitan baharu HIV meluas pada 2016 adalah India, China, Indonesia, Pakistan, Vietnam, Myanmar, Papua New Guinea, Filipina dan Thailand.

Laporan sama juga menetapkan sasaran untuk tahun 2020 supaya 90 peratus

penghidap HIV mendapat akses rawatan antivirus.

Menurut UNAIDS, lebih separuh daripada penghidap HIV kini mempunyai akses kepada rawatan, manakala kematian akibat AIDS dapat dikurangkan hampir 50 peratus sejak tahun 2005.


Jangkitan HIV di 10 negara berkenaan berlaku terutamanya dalam kalangan pekerja seks dan pelanggan mereka, lelaki gay, penagih dadah yang menggunakan

jarum suntikan dan orang transgender.

Bagaimanapun, laporan itu turut menyatakan bahawa angka tahunan jangkitan baharu HIV menurun 13 peratus sejak enam tahun lalu, daripada 310,000 kes pada 2010 kepada 270,000 kes tahun lalu.

Kata UNAIDS lagi, kira-kira 19.5 juta daripada 36.7 juta penghidap HIV di seluruh dunia kini mempunyai akses kepada rawatan, manakala kematian berkaitan AIDS pula berkurangan daripada 1.9 juta orang pada 2005 kepada satu juta pesakit tahun lalu.

UNAIDS menetapkan sasaran 30 juta penghidap HIV di seluruh dunia akan mendapat akses kepada rawatan menjelang 2020. – Bernama



LAKARAN saintifik menunjukkan virus HIV dalam salur darah manusia. – Gambar hiasan